

LATIHAN PENDIDIKAN MORAL TINGKATAN 2

Isikan tempat kosong di bawah dengan jawapan yang berikut.

<i>salam</i>	<i>perasaan</i>	<i>pendengar</i>	<i>memulaukan</i>	<i>kritik</i>
<i>menghantar</i>	<i>keburukan</i>	<i>baik</i>	<i>menghormati</i>	<i>berterima kasih</i>

1. Malek _____ atas pertolongan dan kebaikan yang diberikan oleh Alex semasa dia mengalami kemalangan.
2. Apabila anda mengunjungi rumah rakan, anda akan memberikan _____ terlebih dahulu sebagai tanda menghormati dan adab berjumpa dengan rakan.
3. Kita tidak boleh _____ amalan keagamaan seperti sembahyang di kuil terhadap sahabat kita yang berlainan agama.
4. Walaupun jalan sesak akibat perarakan kavadi pada hari Thaipusam, kita harus _____ upacara perayaan sahabat kita tersebut.
5. Bagi menjaga _____ Mei Lin, Fatimah menerima kuih bakul dan buah limau yang diberikan sempena Tahun Baru Cina.
6. Kamal sentiasa _____ makanan kepada sahabatnya yang merupakan jiran di sebelah rumahnya, walaupun berlainan agama.
7. Kita tidak boleh _____ sahabat yang berlainan agama kerana rakyat Malaysia terdiri pelbagai kaum dan agama.
8. Sebagai sahabat yang _____, kita perlu memberikan nasihat kepada sahabat yang mempunyai masalah yang tidak dapat diselesaikan.
9. Kita juga perlu menjadi _____ yang baik dengan mendengar masalah yang Disampaikan oleh sahabat kita . Luahan tersebut dapat mengurangkan beban sahabat kita.
10. Kita tidak boleh menceritakan _____ sahabat kita kepada rakan lain untuk menjaga maruah sahabat dan keluarganya.)

